

03 OCT 1997

Mahathir-kongsi

PM SERU DIADAKAN PERKONGSIAN STRATEGIK EKONOMI MALAYSIA-ARGENTINA

BUENOS AIRES, 3 Okt (Bernama) -- Masanya telah tiba untuk Malaysia dan Argentina memupuk perkongsian strategik dalam pembangunan ekonomi, bukan saja pada peringkat dua hala tetapi di peringkat serantau dan sejagat, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Peningkatan taraf dan kecekapan pelabuhan-pelabuhan Malaysia dan pembinaan lapangan terbang antarabangsa yang baru akan membolehkan Malaysia menawarkan kemudahan terbaik kepada Argentina untuk mengurus niaga dengan Malaysia serta dengan rantau Asean, tambahnya.

Perdana Menteri berkata demikian pada majlis perasmian bersama Persidangan Pengeksport Argentina mengenai negara Asean yang disempurnakan bersama-sama Presiden Carlos Menem di Bursa Saham Buenos Aires.

Beliau mengamati bahawa baru-baru ini keanggotaan Asean telah diperluaskan kepada Myanmar dan Laos untuk menjadi satu entiti 480 juta penduduk dengan keluaran dalam negeri kasar (KDNK) terkumpul sebanyak AS\$711 bilion manakala Argentina adalah anggota perkumpulan ekonomi Amerika Selatan, MERCOSUR, yang baru-baru ini menerima masuk Chile dan Bolivia sebagai anggota sekutu untuk membesarkan pasarannya kepada 201 juta dan KDNK melebihi AS\$1 trilion.

Dengan Asean telahpun menubuhkan Skim Keistimewaan Tarif Berkesan Sama Rata (CEPT) dan bergerak ke arah penubuhan sebuah kawasan perdagangan dan pelaburan bebas, beliau menggalakkan usahawan dan pelabur Argentina untuk meningkatkan kehadiran mereka di rantau itu dengan menjadikan Malaysia sebagai pelantar untuk pengeluaran dan pengedaran barangan mereka ke rantau Asean.

"Syarikat-syarikat Argentina juga boleh mengadakan perkongsian dengan syarikat-syarikat Malaysia untuk menerokai dalam projek-projek di negara ketiga," kata Dr Mahathir.

Beliau yakin bahawa penjelmaan rancangan dalam MERCOSUR akan merangsangkan lagi pertumbuhan ekonomi negara-negara anggotanya dan bahawa perkumpulan itu akan mengamalkan satu pendekatan terbuka kepada dagangan dengan negara-negara di luar rantau itu.

"Dengan mengamalkan pendekatan keserantau terbuka, perkumpulan serantau seperti MERCOSUR dan Asean juga akan memberi faedah kepada negara-negara di luar rantau mereka dan melalui itu meningkatkan kegiatan di dalam rantau itu sendiri," katanya.

"Ini akan mewujudkan lebih banyak peluang dan permintaan untuk barangan dan perkhidmatan dari luar rantau berkenaan."

Dr Mahathir juga berkata bahawa ahli-ahli perniagaan Malaysia dan Argentina mesti bekerja ke arah menambahkan kuantum dagangan kepada satu paras yang lebih tinggi setelah naik kepada AS\$351 juta dalam 1996 daripada AS\$101 juta dalam 1991.

Sudah pasti wujud skop yang besar untuk pengembangan dagangan dan pelaburan dua hala, tambahnya.

Perdana Menteri berkata Malaysia sememangnya mengamalkan pendekatan menyokong perniagaan dalam usaha pembangunannya dan mempunyai garis panduan yang jelas dan luwes untuk mempermudah pelaburan.

Malaysia, tambahnya, mengiktirafi kepentingan jangka panjang pelaburan langsung asing (FDI) untuk pertumbuhan ekonomi dan pembangunannya.

Ia telah berjaya dalam usaha menggalakkan FDI ke dalam sektor pembuatan. Dari 1992 hingga Julai tahun ini, sejumlah 4,526 projek pembuatan membabitkan pelaburan modal sebanyak AS\$53.3 bilion telah

diluluskan, katanya.

Daripada jumlah itu, Dr Mahathir berkata AS\$27.2 bilion atau 50.6 peratus adalah FDI, membayangkan tarikan istimewa dalam sekitaran pelaburan Malaysia. -- BERNAMA

LKC SIA MAI